

IMPLIKASI PORNOGRAFI TERHADAP REMAJA: PERSPEKTIF AGAMA

Nur Hanis Mokhsin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6019-3195137 Email: hanism_@raudah.usim.edu.my

Corresponding author: Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6019-6824900 Email: akmalludin@usim.edu.my

Nur Syahirah Kamin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6016-3086642 Email: nur_syahirah@raudah.usim.edu.my

Siti Fatimah Ibrahim

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6019-4055065 Email: fatimah_ibrahim@raudah.usim.edu.my

ABSTRAK

Menurut Islam, pornografi adalah sesuatu perkara yang dilarang. Secara istilahnya, ia merupakan suatu paparan melibatkan perbuatan seksual yang menjurus kepada peningkatan nafsu seksual seseorang individu. Perkara ini juga tidak asing dalam kalangan remaja, dimana kajian mendapati kadar remaja yang terjebak dengan pornografi semakin meningkat seiring peningkatan penggunaan internet pada masa kini. Oleh itu, Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pornografi terhadap remaja dan bagaimana nilai-nilai agama boleh membantu mereka menghadapi cabaran ini. Kaedah kajian ini melibatkan analisis literatur dan meninjau pandangan agama tentang pornografi. Dapatan kajian menunjukkan kepentingan pemahaman yang lebih baik mengenai kesan pornografi terhadap perkembangan remaja, serta potensi peranan nilai-nilai agama sebagai panduan dan sokongan dalam menangani isu ini. Implikasi kajian ini menekankan keperluan pendekatan holistik yang menggabungkan nilai-nilai agama dalam usaha pencegahan dan pemulihan daripada kesan negatif pornografi terhadap remaja.

Kata Kunci : *Kata kunci: Internet, Pornografi, Remaja, Nilai-nilai Agama*

1. Pengenalan

Remaja adalah fasa peralihan dari kanak-kanak ke dewasa yang sering dikaitkan dengan perubahan fizikal, emosi, dan psikologi yang besar. Remaja terdedah kepada pelbagai maklumat melalui internet pada zaman moden, termasuk kandungan yang tidak sesuai, seperti pornografi. Islam melarang pornografi kerana ia melibatkan paparan perbuatan seksual yang meningkatkan nafsu seksual seseorang. Kajian menunjukkan bahawa kadar remaja yang terjebak dengan pornografi meningkat seiring dengan peningkatan penggunaan internet, yang menjadikan perkara ini semakin membimbangkan.

Sebuah kajian oleh Brown dan L'Engle (2009) mendapati bahawa 93% dan 62% remaja lelaki dan perempuan di Amerika Syarikat terdedah kepada pornografi dalam talian sebelum mereka berumur 18 tahun. Statistik ini menunjukkan betapa mudahnya remaja mengakses kandungan pornografi, yang boleh mempunyai banyak kesan buruk terhadap pertumbuhan mereka.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pemahaman yang lebih baik tentang kesan pornografi terhadap pertumbuhan remaja adalah penting. Selain itu, ia menekankan kemungkinan nilai agama boleh berfungsi sebagai panduan dan bantuan dalam menangani isu ini. Untuk mencegah dan merawat

kesan negatif pornografi terhadap remaja, kajian ini menekankan betapa pentingnya menggunakan pendekatan holistik yang menggabungkan prinsip agama. Dijangkakan bahawa pendekatan holistik ini akan membantu mengurangkan kesan negatif pornografi dan mempromosikan perkembangan remaja yang lebih bermoral dan sihat.

2. Metodologi kajian

Metodologi adalah suatu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan bagi tujuan pengumpulan data. Terdapat 3 pendekatan metodologi dalam kaedah Penyelidikan Lazim, iaitu pendekatan secara kuantitatif, kualitatif atau campuran antara keduanya iaitu kuantitatif dan kualitatif, menurut othman Mohamed (Kasimah, 2020). Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif, khususnya analisis dokumen iaitu dengan menganalisis dokumen-dokumen daripada kajian yang telah dilakukan sebelumnya seperti artikel, jurnal dan penulisan ilmiah berkaitan. Dalam kaedah kualitatif ini, terdapat tiga metode utama yang digunakan iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Namun begitu, penyelidik tidak perlu menggunakan semua metode tersebut dan boleh memilih salah satu metode sahaja bergantung kepada objektif kajian dan persoalan kajian mereka (Muhamad et al., 2023). Metodologi ini membolehkan pemeriksaan secara terperinci terhadap berbagai dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Bagi memastikan hanya kajian yang bersesuaian sahaja yang digunakan, penyelidik telah memilih kajian lepas yang bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan dengan melakukan penelitian terhadap tajuk dan dapatan kajian daripada penyelidik terdahulu. Selain itu, maklumat daripada dokumen boleh mencadangkan beberapa soalan yang perlu ditanya dan situasi yang perlu diperhatikan sebagai sebahagian daripada penyelidikan. Ia juga boleh dianalisis sebagai cara untuk mengesahkan penemuan atau menyokong bukti daripada sumber lain (Bowen, 2009).

3. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif yang berikut:

- Memahami definisi pornografi melalui perspektif Islam.
- Mengenal pasti faktor peningkatan pornografi dalam kalangan remaja.
- Mengetahui kesan pornografi terhadap remaja menurut perspektif Islam.
- Mengenal pasti nilai-nilai agama bersesuaian bagi membantu remaja menghadapi masalah ini.

4. Perbincangan

4.1 Definisi Pornografi

"Porneia", perkataan Greek untuk pelacur, adalah asal usul istilah "pornography." Istilah ini bermaksud "penulisan tentang pelacur. Selain itu, pornografi ialah bahan bertulis atau visual yang memupuk keinginan seksual dan bertujuan untuk memberahikan pembaca atau pemerhati. Ia juga dipanggil "porn", "smut" dan "bahan lucu." (Ismail, 2012; Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012). Boleh difahami pornografi adalah satu tindakan yang tidak diterima dan tidak baik dalam kehidupan seharian kerana perbuatan ini tidak hanya dilarang dari segi moral tetapi juga dilarang oleh agama.

Dari perspektif moral, pornografi sering dianggap sebagai sumber yang merosakkan prinsip dan norma masyarakat. Ia biasanya melibatkan penggunaan gambar, video, teks, atau audio yang menunjukkan tindakan seksual dengan tujuan untuk membangkitkan nafsu seksual. Pornografi dikritik kerana ia boleh memupuk persepsi negatif terhadap hubungan seksual dan boleh

merendahkan martabat individu yang terlibat. Selain itu, ia dianggap memberi kesan buruk kepada penonton kerana ia mengaburkan batas-batas moral mengenai hubungan interpersonal dan seks.

Secara moral, pornografi dianggap menghakis prinsip kesopanan, kehormatan, dan kesucian. Ia mendorong perilaku yang tidak bermoral dan eksploitasi seksual, serta mengubah perspektif orang terhadap seks menjadi lebih kasar dan komersial. Oleh itu, pornografi dilihat oleh banyak tradisi agama dan moral sebagai merosakkan prinsip moral individu dan masyarakat (Dines, Jensen, & Russo, 2013).

Definisi pornografi dalam Islam

Pornografi dalam Islam dianggap sebagai sesuatu yang dilarang kerana ia merosakkan moral dan etika serta mendorong perilaku yang tidak bermoral. Dalam agama Islam, tubuh manusia diberikan kepada pemiliknya sebagai amanah Allah. Oleh itu, mereka mesti menjaga tubuh mereka daripada sebarang perkara yang buruk, sama ada untuk diri mereka sendiri atau untuk masyarakat, untuk menjamin keselamatan kedua-dua kehidupan dunia dan akhirat mereka. Selain itu, Al-Qur'an memberikan panduan yang jelas untuk menjaga kesucian dan menjauhkan diri dari perkara yang membawa kepada dosa. Di dalam Al-Qur'an juga Allah SWT telah menggariskan mengenai konsep menjaga pandangan dan mengelak daripada perkara yang tidak bermoral termasuk juga maksiat pornografi. Seperti firman Allah SWT di dalam surah An-Nur ayat 30 dan 31:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۗ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan”. Surah An-Nur 24:30

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ﴿٣١﴾...

"Dan katakanlah kepada para wanita yang beriman, agar mereka menahan pandangan mereka, dan memelihara kemaluan mereka, dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) terlihat". Surah An-Nur 24:31

Ayat ini merupakan arahan daripada Allah SWT kepada hamba-hambanya yang beriman supaya menjaga pandangan mereka daripada perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. Orang yang beriman diperintahkan hanya melihat kepada perkara yang diharuskan oleh syarak sahaja dan menundukkan pandangan mereka daripada melihat perkara yang diharamkan (Ibn Kathir, 2000). Ayat-ayat ini menekankan dua elemen utama larangan pornografi iaitu menahan pandangan dan memelihara kemaluan.

Islam mengajar pengikutnya untuk menahan pandangan mereka daripada melihat perkara yang haram. Termasuk dalam kategori ini adalah menonton pornografi kerana ia menjurus kepada perbuatan seksual yang tidak sah menurut syariat. Salah satu cara untuk melindungi hati dan fikiran daripada godaan syaitan ialah menahan pandangan daripada perkara yang haram. Paparan pornografi yang dilihat kemudiannya akan melekat pada hati dan fikiran yang menyebabkan seseorang individu berkhayal dan keinginan yang berterusan. Menurut kajian, memori visual seseorang individu lebih bertahan lama berbanding memori yang lain (National Geographic, 2014). Dalam keadaan seperti ini, ia akan mempengaruhi kelakuan mereka menjadi lebih buruk oleh kerana pornografi yang dilihat

disimpan bertahan lama dan sukar untuk dilupakan. Ia akan sentiasa bermain di dalam minda manusia sehingga menjadikan mereka tidak fokus pada perkara yang sedang dilakukan.

Selain itu, memelihara kemaluan bermakna mengelak daripada sebarang tindakan yang boleh membawa kepada zina atau tindakan seksual yang haram. Menurut Islam, terdapat dua kategori nafsu syahwat iaitu nafsu yang dirahmati Allah dan nafsu liar yang tidak dirahmati Allah. Nafsu yang dirahmati Allah termasuk melalui perkahwinan yang halal dan mendapat rahmat serta kasih sayang Allah. Manakala nafsu yang liar menjurus kepada kemurkaan Allah seperti pornografi, pergaulan bebas dan seks bebas (Ahmadiy, 2015). Hal ini mendorong individu untuk melakukan perkara yang dilarang seperti masturbasi atau zina. Oleh hal yang demikian, memelihara kemaluan menjadi satu keutamaan bagi mengelakkan perbuatan maksiat tersebut.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ
وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّالِمِينَ وَالصَّالِمَاتِ
وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

“Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendahkan diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendahkan diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.” Surah Al-Ahzab 33:35

Ayat ini bermaksud memelihara kehormatan adalah salah satu sifat penting bagi seorang Muslim dan Muslimah. Tujuan memelihara kehormatan diri adalah untuk menghindari dari perbuatan yang mungkar seperti zina (Abu Anas Madani, 2024). Di dalam konteks ini, perbuatan menonton pornografi adalah disebabkan tidak memelihara kehormatan diri sehingga boleh merendahkan martabat atau harga diri. Oleh itu, hendaklah kita berpegang pada tuntutan agama yang telah disyariatkan oleh Allah agar terhindar daripada kemaksiatan yang boleh membinasakan diri sendiri.

4.2 Faktor Peningkatan Remaja Yang Terjebak Dengan Pornografi

Pornografi merupakan isu yang penting untuk dibahas kerana ia telah menjadi ancaman serta menjadi pengaruh yang negatif kepada generasi muda terutamanya golongan remaja yang masih dalam proses pembesaran. Seperti yang diketahui, masa remaja adalah masa di mana remaja mengalami perubahan yang banyak seperti perubahan emosi, perubahan fizikal dan tingkah laku. Golongan remaja adalah golongan yang cenderung untuk melakukan sesuatu perkara yang menimbulkan rasa ingin tahu yang tinggi dalam diri mereka termasuk perkara yang berkaitan dengan pornografi sehingga ada yang mencapai tahap ketagihan serta susah untuk berhenti daripada konten pornografi. Hal ini mengakibatkan kepada peningkatan remaja yang terjebak dengan pornografi yang disebabkan oleh beberapa faktor yang akan dibincangkan di bahagian ini.

1) Pengaruh rakan sebaya

Pengaruh rakan sebaya menjadi penyumbang kepada pendedahan pornografi dalam kalangan remaja. Rakan sebaya adalah salah satu faktor yang utama yang dapat mempengaruhi remaja dalam melakukan hal-hal negatif. Di samping itu, rakan sebaya yang baik pasti mengajak rakannya untuk melakukan perbuatan yang baik manakala rakan sebaya yang jahat akan mengajak rakannya untuk mencuba perkara yang tidak baik, salah satunya adalah pornografi. Kebiasaan remaja kepada pornografi mungkin bermula daripada ajakan rakan sebaya yang telah terjebak dengan pornografi iaitu mereka pada awalnya diperkenalkan dengan filem pornografi, setelah itu diajak untuk menonton bersama serta disebarikan kepada rakan-rakan yang lain. Seterusnya, lingkungan pertemanan remaja juga mempengaruhi sikap dan perbuatan remaja iaitu jika mereka berada dalam lingkungan pertemanan yang suka melakukan hal yang tidak wajar seperti pornografi maka, remaja tersebut akan terpengaruh untuk melakukan perkara yang sama. Hal ini menjadikan remaja menormalisasikan hal yang tidak wajar tersebut sehingga menganggapnya sebagai perbuatan yang biasa dan tidak memberi kesan buruk kepada diri mereka. Semakin lama anak bergaul, semakin meningkat waktu yang dihabiskan oleh anak bersama rakan mereka yang membawa pengaruh negatif itu (Utomo et al., 2018). Dengan itu, jelaslah bahawa interaksi antara rakan sebaya menyumbang kepada peningkatan remaja dengan pornografi.

2) Penggunaan gajet yang tidak terkawal

Penggunaan gajet seperti *smartphone*, *tablet*, *laptop* dan *computer* secara tidak terkawal juga adalah faktor yang menyebabkan peningkatan remaja dalam pornografi. Hal ini kerana, ibu bapa tidak memantau anak mereka semasa anak menggunakan gajet dan melayari internet. Ibu bapa tidak menghadkan tempoh masa anak menggunakan gajet sehingga menjadikan penggunaan gajet itu tidak terkawal. Penggunaan gajet yang tidak terkawal ini mengakibatkan anak mudah terjebak dalam melayari laman sesawang lucah dan semakin berani untuk mencari hal negatif yang lain daripada internet. Kebanyakan kanak-kanak, remaja dan pelajar universiti telah terdedah kepada pornografi (Desa et al., 2018). Tambahan pula, ibu bapa tidak peka terhadap ancaman pornografi serta perkembangan seksual anak mereka, sehingga tidak segan memberikan gajet kepada anak dari umur yang masih kecil tanpa pemantauan dari ibu bapa itu sendiri. Penggunaan gajet tanpa pemantauan ibu bapa juga mendorong kepada pola tidur yang tidak teratur kepada remaja. Ini terjadi disebabkan tidak ada penetapan waktu bagi penggunaan gajet serta melayari internet. Oleh itu, peranan ibu bapa sangat lah penting bagi memantau penggunaan gajet dengan melihat kandungan dan maklumat yang dilayari oleh anak-anak agar dapat mencegah mereka daripada menonton atau melakukan aktiviti pornografi (Al Mazmi et. al, 2013).

3) Rasa ingin tahu yang tinggi

Remaja yang masih mengalami tumbesaran pasti mempunyai rasa ingin tahu terhadap sesuatu perkara sama ada perkara yang baik atau tidak baik. Namun begitu, jika rasa ingin tahu ini disalahgunakan untuk menonton atau mencari bahan-bahan lucah maka, ia akan memberikan impak yang buruk kepada diri mereka. Remaja yang pada awalnya cuma menonton filem lucah untuk menghilangkan rasa ingin tahu, lama kelamaan akan melanjutkan perbuatan tidak sihat itu tanpa mereka sedari bagi memuaskan nafsu sendiri. Hal ini kerana pornografi mampu menjadikan seseorang ketagihan dengan memberi rangsangan yang tinggi kepada orang yang terjebak dengannya. Selain itu, ia juga membangkitkan nafsu seseorang untuk melakukan hubungan seks bagi meniru aksi-aksi dalam video lucah yang mereka tonton jika tidak dikawal dengan baik (Haryani R et al., 2012). Oleh sebab itu, rasa ingin tahu yang tinggi juga merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan remaja yang terjebak dengan pornografi.

4) Kemajuan teknologi yang semakin pesat

Perkembangan teknologi yang canggih juga adalah faktor terbesar yang menyebabkan peningkatan remaja yang terjebak dengan pornografi. Tidak dinafikan bahawa kemajuan ini memudahkan manusia di dalam urusan harian seperti komunikasi secara *online* melalui aplikasi *chatting*, pembelian yang boleh dilakukan daripada rumah tanpa harus keluar ke pusat membeli belah dan banyak lagi. Walaubagaimanapun, ia memberi ancaman pornografi kepada orang ramai terutamanya kepada golongan remaja kerana remaja adalah antara pengguna internet dan teknologi yang terbanyak pada masa ini sehingga menjejaskan perkembangan mental dan fizikal mereka. Menurut kajian, penggunaan media yang semakin meningkat menjadikan akhlak di kalangan remaja semakin rendah kerana mereka lebih memilih hiburan (Desa et al., 2018). Bukan itu sahaja, akses yang mudah terhadap laman web lucah juga akan mendedahkan remaja kepada pornografi pada usia yang muda dan mengakibatkan sikap dan tingkah laku seksual mereka terjejas. Menurut Imawati dan Sari, kecanggihan teknologi memudahkan remaja untuk mengakses pornografi dan kebanyakannya berakhir dengan ketagihan (Sugitanata A., 2023). Tambahan pula, menonton video berunsurkan pornografi akan menyebabkan ketagihan dan memberi kesan negatif jangka panjang dalam diri seseorang remaja. Aktiviti seksual remaja didorong oleh dua kemungkinan iaitu berpengalaman atau melihat pornografi atau aktiviti pornografi daripada internet, telefon, komik atau platform media yang lain (Haryani R et al., 2012).

5) Kurang didikan agama daripada ibu bapa

Didikan agama daripada ibu bapa di rumah memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak agar tidak terjerumus dengan hal yang tidak baik termasuk pornografi. Pendedahan ilmu agama dari awal sangat berpengaruh dalam membentuk anak menjadi peribadi yang baik sehingga terhindar daripada hal-hal yang dilarang oleh agama. Ibu bapa bertanggungjawab untuk mengajar dan memberi kefahaman kepada anak mereka perkara yang benar dan salah di samping menjadi *role model* atau contoh yang baik kepada anak mereka. Hal ini agar setiap perbuatan yang baik itu dapat dicontohi oleh anak-anak kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Selain itu, ibu bapa hendaklah memberi pendedahan awal tentang pendidikan seksual kepada anak agar anak mengetahui ilmu tentangnya dan tidak mencari tahu sendiri dengan melayari internet. Hal ini demikian kerana penggunaan internet boleh menjerumuskan anak kepada isu pornografi yang berleluasa di internet. Tambahan lagi, pendidikan seksual dari awal boleh membendung masalah sosial dalam masyarakat kita seperti pergaulan bebas, seks bebas, masalah kehamilan remaja dan jenayah rogol, terutamanya dalam kalangan remaja. Masyarakat yang kurang berpendidikan adalah cenderung untuk membiarkan perbuatan yang tidak baik daripada kalangan remaja termasuk isu pornografi kerana mereka menganggap itu sebagai perkara yang biasa dilakukan oleh remaja (Utomo et al., 2018). Pornografi jelas bertentangan dengan nilai agama, budaya dan adat masyarakat kita. Dalam hal ini juga, didikan agama yang cukup dapat meningkatkan iman seseorang remaja dan menimbulkan rasa takut kepada Tuhan dalam diri mereka untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran agama serta takut kepada balasan yang akan mereka peroleh jika melanggar larangan tersebut.

4.3 Implikasi Pornografi Terhadap Remaja Menurut Perspektif Islam

Menurut Islam, pornografi adalah haram dan berdosa oleh kerana ia memperlihatkan aurat manusia kepada individu lain yang tidak berhak untuk melihatnya sekaligus menjurus kepada perlakuan yang melanggar hukum-hukum Islam (Ayu Nadhirah, et. al, 2023). Dengan itu, ia menjelaskan bahawa mata boleh menjadi punca kepada segala maksiat yang dilakukan dalam hidup seseorang muslim. Hal ini telah digariskan oleh Allah SWT di dalam Kalam-Nya, pada surah An-Nur ayat 30 dan 31 seperti berikut:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۗ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ... ﴿٣١﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menahan pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan (30) Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka (31).”

Merujuk kepada firman Allah SWT dari surah An-Nur ayat 30 dan 31 ini, Allah mewajibkan keatas setiap muslim sama ada lelaki mahupun perempuan, untuk menundukkan pandangan mereka daripada melihat perkara maksiat atau di dalam konteks ini disebutkan sebagai pornografi. Ulama' fiqh juga menyatakan bahawa penglihatan merupakan pintu kepada perbuatan mungkar yang menjadikan hati dan fikiran manusia dipenuhi khayalan, keinginan dan menimbulkan rasa ingin tahu terhadap sesuatu, hingga menyebabkan seseorang terlibat dengan perbuatan zina (Nor Azrina, et. al, 2021). Secara ringkasnya, perbuatan pornografi ini dapat memberi impak negatif terhadap remaja, sehingga boleh menjejaskan pelbagai aspek dalam hidup mereka dari segi fizikal, mental, rohani dan akhlak mereka. Oleh itu, penting bagi kita untuk mengetahui impak permasalahan ini, bagi membuka mata ummah bahawa ianya bukan sesuatu yang boleh dianggap remeh.

4.3.1 Implikasi Terhadap Fizikal Remaja

Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja dapat memberi impak yang cukup serius kepada fizikal remaja antaranya adalah melakukan hubungan seks pranikah. Seperti yang diketahui, remaja berada dalam fasa belajar dan faktor sekitar dapat mempengaruhi perkembangan mereka. Jika mereka terus-menerus terjebak dalam lembah kemaksiatan ini, akan terwujudlah keinginan untuk melakukannya. Hal ini kerana pornografi dapat memberi ransangan yang kuat justeru membangkitkan nafsu mereka untuk meniru perbuatan yang terdapat dalam video pornografi tersebut (Amirul Ashraaf & Nooraini, 2020). Perkara ini amatlah merisaukan kerana ia boleh menjejaskan perkembangan fizikal remaja dan juga orang sekitar oleh kerana percubaan untuk melakukan perkara yang ditonton. Datuk Muhammad Zaki Harun, selaku Ketua Polis Kelantan menyatakan bahawa jenayah seksual yang melibatkan kes rogol, liwat dan cabul meningkat kepada 116 individu pada tahun 2023 berbanding 91 individu sepanjang tahun 2022. Individu-individu tersebut termasuklah individu yang masih bersekolah serta yang sudah tidak bersekolah (Sinar Harian, 2023) Maka dengan itu, nyatalah bahawa pornografi ini sudah semestinya dapat mempengaruhi fizikal seseorang remaja oleh kerana sifat ingin mencuba yang membuak-buak dalam diri mereka.

4.3.2 Implikasi Terhadap Mental Remaja

Selain kesihatan fizikal, pornografi juga dapat memberi kesan yang buruk terhadap kesihatan mental remaja. Antaranya adalah ketagihan pornografi. Terdapat sebuah kajian yang dilakukan oleh Universiti Cambridge, tentang bagaimana ketagihan pornografi ini terjadi. Ianya berlaku oleh kerana terdapat perubahan kimia di dalam satu bahagian otak yang disebut sebagai *dopamine*. Secara istilahnya, *dopamine* ialah penghantar kimia yang dibebaskan secara semula jadi daripada sel-sel saraf di dalam otak dan ia bertindak ke atas sel-sel di bahagian otak yang berlainan untuk menghasilkan pelbagai kesan. Salah satu fungsinya ialah untuk mencipta perasaan yang baik selepas melakukan sesuatu yang menyenangkan (Healthdirect, 2023). Di dalam konteks ini, menonton pornografi dapat menghasilkan *dopamine* dan dapat menjurus kepada ketagihan. Hal ini boleh menjadikan otak mereka penat kerana terlalu banyak *dopamine* yang dikeluarkan (Harian Metro, 2018). Menurut pakar, jika perkara ini berlarutan dan tidak dicegah, seseorang remaja yang ketagihan

akan mengalami gangguan mental yang berpanjangan. Hal ini kerana, mereka akan kerap menyendiri, kurang bersosial yang menyebabkan mereka tidak mempunyai rakan yang ramai serta tidak mempunyai kemahiran sosial yang baik (Amirul Ashraaf & Nooraini, 2020). Oleh itu, jelaslah bahawa pornografi memberi kesan yang buruk terhadap mental remaja disebabkan kecanduan dan ketagihan, sehingga tidak dapat mengawal diri mereka sendiri.

4.3.3 Implikasi Terhadap Rohani Remaja

Menurut agama Islam, kesihatan rohani adalah penting bagi setiap individu yang beragama Islam untuk sentiasa beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Demi menjaga kesihatan rohani, kita hendaklah sentiasa menjaga hati, melakukan perintah Allah SWT dan mencegah kemungkarannya. Jika tidak menjaganya, maka mudahlah syaitan menggoda kita dengan pelbagai cara sehingga terjatuh ke dalam lembah kesesatan. Maksiat pornografi ini membahayakan manusia di dunia mahupun di akhirat oleh kerana ia boleh menggelapkan hati. Apabila hati menjadi gelap, nescaya tiadalah cahaya keimanan yang dapat bersinar di dalam hati mereka (Ibn Qayyim al-Jauzi, 2005). Di dalam konteks ini, pornografi merupakan maksiat dan jika seseorang remaja sering melihatnya, maka mereka akan mengalami kelemahan iman dan menjerus kepada kesan-kesan negatif terhadap kesihatan rohani mereka (Mstar, 2019) Selain itu, Allah SWT juga telah berfirman di dalam surah Al-Mu'minun ayat 5-7 seperti berikut:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأُزُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَرْوَاجِهِمْ ۖ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ أَتَّبَعَىٰ ۚ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾

“Dan mereka yang menjaga kehormatannya (5) kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela (6) Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas (7)”

Menurut Ibn Kathir (2000), Allah SWT memaksudkan daripada ayat ini bahawa bagi sesiapa yang menjaga kemaluan mereka dari perkara yang diharamkan oleh Allah, maka mereka itu bebas dari kesalahan. Manakala bagi mereka yang mencari perkara yang haram, mereka adalah orang-orang yang melampaui batas. Perkara haram yang dimaksudkan disini adalah perilaku seks menyimpang seperti onani (Bincang Syariah, 2020) Ini boleh membuatkan remaja jauh daripada rahmat dan kasih sayang Allah SWT dan menjerus kepada kemerosotan kesihatan rohani mereka. Maka jelaslah bahawa kesihatan rohani remaja boleh terjejas apabila mereka terlibat dalam maksiat pornografi ini.

4.3.4 Implikasi Terhadap Akhlak Remaja

Dalam perspektif Islam, pornografi juga dapat mempengaruhi akhlak seseorang remaja. Sebagai seorang Muslim, akhlak adalah perkara yang sangat penting kerana boleh dilihat dengan nyata dalam diri seseorang. Oleh kerana itu, wajib bagi kita untuk mempunyai akhlak yang baik demi menjaga hubungan sesama manusia. Namun, remaja yang kecanduan pornografi boleh mengalami kemerosotan akhlak. Ini kerana adegan yang ditonton oleh remaja dapat membentuk sikap, nilai dan perilaku yang negatif (Cindy Afriliani, et. Al, 2023). Hal ini dapat dilihat dari cara mereka memandang wanita, dan mereka lebih cenderung untuk merendahkan wanita secara seksual. Ia boleh menyebabkan remaja kehilangan rasa hormat terhadap orang lain, terutamanya wanita. Ini boleh membawa kepada sikap tidak menghormati dan memperlakukan orang lain dengan cara tidak bermoral. Maka dengan itu, benarlah pornografi dapat mempengaruhi perkembangan akhlak remaja sehingga dapat menyebabkan kemerosotan akhlak dan moral mereka.

Secara kesimpulannya, pornografi dapat memberi impak yang negatif terhadap perkembangan remaja dari pelbagai aspek. Maksiat pornografi ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal dan mental remaja, malah ia juga menyentuh kesihatan rohani dan akhlak mereka sehingga turut memberi kesan

terhadap orang sekitar. Oleh yang demikian, kita hendaklah menangani masalah ini dengan cara yang berkesan, demi menjaga kesihatan moral dan masa depan remaja.

4.4 Nilai-Nilai Agama Sebagai Sokongan Bagi Menangani Pornografi Dalam Kalangan Remaja

Peningkatan jenayah seksual dalam kalangan remaja sukar dibendung jika kita tidak mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi menangani punca masalah ini. Dapatan kajian mendapati pornografi merupakan punca remaja terlibat dalam jenayah ini. Oleh kerana itu, remaja perlu menghayati dan menerapkan nilai-nilai agama berdasarkan Al-Quran, agar ia dapat menjadi sokongan dalam hidup mereka bagi menjadi seorang Muslim dan Mukmin yang terbaik. Terdapat beberapa nilai penting yang dapat membantu remaja dalam proses ini antaranya adalah takwa, taubat dan solat.

Takwa

Takwa dalam Islam membawa maksud kesedaran dan ketakwaan kepada Allah SWT, yang melibatkan penghindaran dari segala bentuk dosa dan kejahatan serta berusaha untuk melaksanakan segala perintah-Nya. Hal ini dapat disokong dari konsep takwa yang dinyatakan oleh Ibn Kathir (2000), iaitu melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya dan didasari dengan iman. Takwa bermaksud sikap hati-hati dalam setiap tindakan, iaitu selalu mengingat Allah SWT dalam setiap keadaan, dan sentiasa berusaha berada dalam redha Allah SWT. Ia juga perlu didasari dengan iman bagi memenuhi asas takwa tersebut. Hal ini dapat dilihat dari firman Allah SWT dalam surah Al-Imran ayat 102 seperti berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam (102).”

Ayat ini menekankan pentingnya mempunyai kesedaran yang sempurna akan Allah SWT dan menjalani kehidupan dengan ketakwaan yang sesungguhnya. Hal ini kerana takwa bukan sekadar takut kepada Allah SWT, tetapi takwa adalah dengan melakukan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya (Rita Handayani & Nur Aprillia Putri, 2023). Dengan ini, remaja yang memahami dan menerapkan nilai takwa akan berusaha sebaik mungkin untuk menghindari pornografi kerana mereka akan selalu merasa diawasi oleh Allah SWT.

Taubat

Taubat merupakan kesedaran akan dosa yang dilakukan, lantas meninggalkan perbuatan dosa itu ikhlas kerana Allah SWT. Ia juga boleh membawa maksud menyesal terhadap dosa yang dilakukan sama ada secara sengaja ataupun tidak serta berazam untuk tidak melakukannya lagi pada masa akan datang (Ahmad Mujahideen & Hamidi, 2020). Secara ringkasnya, taubat adalah bentuk pengakuan seorang hamba akan kesalahan yang dilakukan. Proses taubat inilah yang mencerminkan keinginan yang kuat untuk kembali ke jalan yang lurus serta meraih keredhaan Allah. Hal ini dapat dilihat dari firman Allah SWT dalam surah Al-Furqan ayat 70 seperti berikut:

إِلَّا مَنْ تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا فَأُولَٰئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٧٠﴾

“Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (70)”

Ayat ini menunjukkan bahawa pengampunan Allah SWT bukan sahaja sekadar mengampunkan malah Allah juga menggantikan keburukan dengan kebaikan bagi mereka yang bertaubat, beriman dan beramal saleh (Ibn Kathir, 2000). Nilai taubat ini dapat membantu remaja menangani ketagihan

pornografi secara fizikal dan spiritual. Ia adalah suatu kewajiban dan perlu dilakukan dalam keadaan segera supaya manusia kembali mentaati Allah SWT (Sri Rahayu & Khadijah, 2016). Oleh itu, remaja hendaklah sentiasa mengingati Allah dan bertaubat kepada Allah agar dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan berakhlak mulia.

Solat

Solat merupakan tiang agama bagi seluruh manusia yang bergelar Muslim. Ia merupakan satu ibadah yang menjadi nadi kehidupan Muslim dan syiar Islam yang sangat istimewa dan agung. Hal ini kerana Rasulullah SAW menerima perintah ini secara langsung daripada Allah SWT melalui peristiwa Israk dan Mikraj (Noraini & Nor Asmira, 2018). Sebagai seorang Muslim, solat adalah wajib lima kali sehari dan ia perlulah dilakukan dengan khusyuk dan ikhlas kerana Allah SWT. Perlu diketahui bahawa solat bukan sahaja sekadar ritual fizikal, tetapi ia adalah bentuk komunikasi antara hamba dan Tuhannya. Secara signifikannya, solat dapat mencegah dari perbuatan mungkar. Hal ini dapat dilihat dari firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut ayat 45 seperti berikut:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan(45)”

Berdasarkan firman Allah di atas, Allah SWT menekankan bahawa solat dapat mencegah dari perbuatan keji dan mungkar (Ibn Kathir, 2000). Ini dapat menjelaskan lagi bahawa solat yang khusyuk dan ikhlas dapat membantu remaja menghindari godaan pornografi. Dengan mempraktikkan solat secara konsisten dan sempurna, remaja dapat melatih diri untuk perlahan-lahan meninggalkan pornografi. Namun, jika mereka masih melakukan perbuatan mungkar itu, maka solat mereka tidak memberi kesan kebaikan dalam diri mereka (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016). Oleh itu, remaja hendaklah sentiasa memperbaiki solat mereka kerana hidup yang sejahtera itu bermula daripada solat yang sempurna.

Secara konklusi, nilai-nilai agama terbukti dapat menjadi sokongan yang terbaik kepada remaja dalam menangani ketagihan pornografi. Dengan penghayatan dan penerapan nilai-nilai agama iaitu takwa, taubat dan solat, remaja dapat memperoleh kekuatan moral dan spiritual untuk mengatasi ketagihan pornografi. Oleh itu, remaja perlulah diberi kesedaran dan teguran demi menjamin perkembangan dan masa hadapan mereka yang lebih baik.

5. Kesimpulan

Demikianlah, kemajuan teknologi yang semakin berkembang ini membolehkan manusia mengakses internet tanpa batas, tidak kira tempat dan masa. Isu pornografi ini berkait rapat dengan kemajuan teknologi dan internet yang semakin canggih dan mudah untuk diakses. Kebebasan ini bukan hanya memberi kesan yang positif dan baik tetapi turut memberi kesan yang negatif kepada orang yang menggunakannya. Oleh itu, diharapkan ilmu pengetahuan tentang isu pornografi dan cara untuk mencegahnya mengikut nilai-nilai agama menjadi selari dengan kepesatan teknologi pada masa ini. Internet adalah medium komunikasi yang canggih dan pengguna internet adalah orang yang harus menentukan hala tuju yang sama ada ke arah yang baik atau sebaliknya. Justeru itu, didikan yang baik harus diberikan kepada pengguna internet agar dapat memanfaatkan teknologi yang ada dengan sebaiknya. Jelaslah bahawa, isu pornografi dalam kalangan remaja ini hendaklah diambil berat oleh semua pihak kerana ia memberi kemudaratan kepada remaja yang masih dalam proses mengenal jati

diri mereka. Jika isu ini dibiarkan dan tidak dicegah dari awal, maka rosaklah anak bangsa yang menjadi penerus generasi pada masa akan datang. Dengan itu, golongan remaja haruslah diberikan ilmu pengetahuan dan didikan agama secukupnya agar dapat melahirkan generasi yang cemerlang dari berbagai aspek serta dapat menjadi pemimpin yang baik di masa depan.

6. Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abu Anas Madani. "Surah Al-Ahzab: Ayat 35-36." 7 Februari 2024,

<https://abuanasmadani.com/docs/surah-al-ahzab-ayat-35-36-2-2/>

Adila Sharinni Wahid. "Mangsa Jenayah Seksual Remaja Bawah Umur Meningkatkan." Sinar Harian, 20 December 2023. <https://www.sinarharian.com.my/article/640572/berita/semasa/mangsa-jenayah-seksual-remaja-bawah-umur-meningkat>

Ahmad Mujahideen & Hamidi (2020). "Konsep Taubat Menurut Perspektif Islam." Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 5(29), 100 - 108.

Ahmadiy (2015). "Menjaga Kemaluan (Hifzul Furuj) Dalam Al-Quran: Studi Tafsir Tematik." Syariati: Jurnal Studi Al-Quran dan Hukum, Vol. I No. 01, Mei 2015, 33-48.

Al Mazmi, M., Aslam, H. & Rajan, A.V. (2013). *The influence of technology on children's health. International Conference on Technology and Business Management*, March 18-20, 1226-1235

Amirul Ashraaf & Nooraini. (2020). "Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Remaja: Faktor dan Implikasi Terhadap Sahsia Diri Remaja." Jurnal Melayu, 19(2), 205-215.

Arif Sugitanata. (2023). "Analisis Ekologi Sistem Bronfenbrenner Terhadap Upaya Perlindungan Anak Dari Bahaya Pornografi Di Era Globalisasi Digital." SPECTRUM: Journal of Gender and Children Studies, 3(2), 129-138.

Ayu Nadhirah et al., "Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi." Afkar Vol. 25 No. 1 (2023): 253-290

Bowen, G. A. (2009). *Document Analysis as a Qualitative Research Method*. Qualitative Research Journal, 9(2), 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>

Brown, J. D., & L'Engle, K. L. (2009). X-rated: Sexual attitudes and behaviors associated with U.S. early adolescents' exposure to sexually explicit media. *Communication Research*, 36(1), 129-151.

Cindy Afriliani et al., "Faktor Penyebab dan Dampak dari Kecanduan Pornografi di Kalangan Anak Remaja Terhadap Kehidupan Sosialnya." Harmony, 8(1) (2023): 7-14.

Diane Cole. "A Message from Your Brain: I'm Not Good at Remembering What I Hear." National Geographic, 13 March 2014. <https://www.nationalgeographic.com/science/article/140312-auditory-memory-visual-learning-brain-research-science>

Dines, G., Jensen, R., & Russo, A. (2013). *Pornography: The Production and Consumption of Inequality*. Routledge.

Hamid Baedowi. "Tafsir Surat al-Mukminun 5-7: Al-Quran Melarang Perilaku Seks Menyimpang." Bincang Syariah, 22 Februari 2010. <https://bincangsyariah.com/kolom/tafsir-surat-al-mukminun-5-7-al-quran-melarang-perilaku-seks-menyimpang>

Healthdirect. "Dopamine." August 2023. Accessed May 30, 2024.

<https://www.healthdirect.gov.au/dopamine>

Ibn Kathir. Imad al-Din. (2000). *Tafsir al-Quran al-Azim. Kaherah: Muassasah Qurtubah*.

Ibn Qayyim al-Jauzi. (2005). *Terapi Penyakit Hati*. Salim Bazemool(terj.). Jakarta: Qisthi Press.

Kasimah. (2020). "Aplikasi Kaedah Istinbat Ayat Ahkam Dalam Penganalisisan Data Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam" [Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia]. Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV).

- Mahaizura Abd Malik. "Tonton Pornografi ubah kimia dalam otak." *Harian Metro*, 29 Julai 2018. <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/07/362822/tonton-pornografi-ubah-kimia-dalam-otak-metrotv>
- Muhammad Fahmi Rusli. "Al-Kafi li Al-Fatawi ke-461: Apakah Sah Solat Seseorang yang Bergelumang dengan Perkara Haram?." Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 22 November 2016. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1840-al-kafi-li-al-fatawi-ke-461-apaakah-sah-solat->
- Mulya Haryani R, Mudjiran & Yarmis Syukur. (2012). "Dampak Pornografi Terhadap Perilaku Siswa Dan Upaya Guru Pembimbing Untuk Mengatasinya." *Jurnal Ilmiah Konseling*, 1(1), 1-8.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina & Sabri Mohamad. (2018). "Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam." *Jurnal Al-Turath*, 3(1), 1-9.
- Nor Azrina et al., "Pornografi Dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam." *Online Journal of Research in Islamic Studies* 8(2) (2021): 67-78
- Noraini Junoh & Nor Asmira (2018). "Falsafah Ibadat Solat Berdasarkan Al-Sunnah: Analisis Pandangan Shah Wali Allah Al-Dihlawi." *Journal of Fatwa Management and Research*, 139-154.
- Nur Mohammad Hadi Zahalan. "Hati Jadi Gelap Antara 10 Kesan Buruk Kerana Tonton Bahan Lucuh." *Mstar*, 5 Julai 2019. <https://www.mstar.com.my/xpose/addin/2019/07/05/bahaya-pornografi>
- Nurul Asiah Fasehah, Siti Fatimah & Noor Saazai. (2023). *Final Year Project Handbook*. Usim Press.
- Rita Handayani & Nur Aprilia Putri (2023). "Penafsiran QS Ali-Imran Ayat 102 (Analisis Tafsir Tahlili)." *Al-Furqan*, 8(1), 60-69.
- Sigit Tri Utomo & Achmad Sa'i. (2018). "Dampak Pornografi Terhadap Perkembangan Mental Remaja Di Sekolah." 6(1), 167-188.
- Sri Rahayu & Khadijah, "Konsep Taubat menurut Islam dan Kristian," *Afkar* Vol. 18 Issue 1 (2016): 43-90
- Wan Ahmad Naqiuddin. "Adakah berdosa melihat atau menonton kartun yang menimbulkan syahwat?" Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 27 Ogos 2019. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3655-al-kafi-1354-adakah-berdosa-melihat-atau-menonton-kartun-yang-menimbulkan-syahwat>
- Wan Fadhilah. (27 April 2012). "Pornografi." <http://www.myhealth.gov.my/pornografi/>